



**UNIT PEPERIKSAAN  
POLITEKNIK KOTA BHARU**



## **ARAHAN-ARAHAN AM PEPERIKSAAN AKHIR**

Semua calon hendaklah mematuhi arahan-arahan berikut:

1. Calon dikehendaki hadir untuk menduduki peperiksaan pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan;
2. Calon diminta berada di luar dewan/bilik peperiksaan lima belas (15) minit sebelum peperiksaan dimulakan;
3. Calon dilarang masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan sehingga diarahkan berbuat demikian;
4. Calon hendaklah masuk dengan tertib mengikut laluan yang telah ditetapkan;
5. Calon yang lewat lebih daripada tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan adalah dilarang masuk ke dewan/bilik peperiksaan dan seterusnya tidak boleh menduduki peperiksaan bagi kursus tersebut.
6. Calon yang lewat tetapi tidak melebihi tiga puluh (30) minit daripada waktu peperiksaan dimulakan akan dibenarkan menduduki peperiksaan tetapi waktu tamat peperiksaan bagi kursus tersebut adalah sama dengan calon yang lain;
7. Calon dilarang membawa masuk ke dalam atau keluar dewan/bilik peperiksaan apa-apa buku, kertas, dokumen atau gambar atau sebarang alat/bahan yang terdapat catatan bertulis kecuali yang dibenarkan oleh Pengawas Peperiksaan;
8. Calon dilarang menerima apa-apa kertas, buku, dokumen, gambar, atau sebarang alat/bahan yang terdapat catatan bertulis daripada mana-mana orang lain semasa di dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali daripada Pengawas Peperiksaan;
9. Calon tidak boleh merujuk dan menggunakan sebarang bahan rujukan yang dilarang di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan bagi keperluan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan.
10. Calon dilarang membawa masuk sebarang alat elektronik kecuali yang dibenarkan oleh Pengawas Peperiksaan.
11. Setelah masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan calon hendaklah duduk di tempat yang telah ditentukan
12. Calon dikehendaki membawa Kad Pelajar. Kegagalan membawa kad pelajar boleh menyebabkan calon dihalang daripada memasuki dewan/bilik peperiksaan untuk menduduki peperiksaan kecuali mendapat kebenaran bertulis dari Pegawai Peperiksaan untuk menduduki kursus berkenaan sahaja;
13. Calon dikehendaki mengisi maklumat di muka hadapan buku jawapan setelah diarahkan oleh Ketua Pengawas Peperiksaan. Calon adalah dilarang menulis nama, nombor pendaftaran atau apa juar tanda pengenal peribadi pada bahagian lain buku jawapan tersebut;
14. Calon dilarang membuka mana-mana kertas soalan yang telah diedarkan sebelum diarah berbuat demikian;



**UNIT PEPERIKSAAN  
POLITEKNIK KOTA BHARU**



15. Calon hendaklah membaca dengan teliti dan mematuhi semua arahan yang tercetak pada soalan peperiksaan dan muka hadapan buku jawapan;
16. Calon hendaklah memastikan bahawa mereka telah menerima kertas soalan yang betul dan sempurna. Sekiranya ia mendapati telah diberikan kertas soalan yang salah, calon hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pengawas Peperiksaan yang bertugas;
17. Calon hanya boleh mula menjawab apabila diarahkan dan dikehendaki berhenti menjawab apabila diarahkan berbuat demikian;
18. Calon dilarang meninggalkan dewan/bilik peperiksaan dalam tempoh tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan bermula dan lima belas (15) minit sebelum peperiksaan tamat. Dalam keadaan tertentu di mana calon perlu keluar dan masuk semula, kebenaran daripada Pengawas Peperiksaan adalah diperlukan dan calon hendaklah berada di bawah pengawasan;
19. Calon dilarang makan, minum atau merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan;
20. Calon dilarang membuat sebarang perlakuan yang boleh mengganggu calon lain dan kelancaran peperiksaan;
21. Pada akhir peperiksaan calon hendaklah memastikan bahawa skrip jawapan disusun dan diikat dengan sempurna sebelum dikutip oleh Pengawas Peperiksaan; dan
22. Calon hendaklah duduk di tempat duduknya selepas tamat peperiksaan dan hanya dibenarkan keluar dari dewan/bilik peperiksaan selepas mendapat arahan daripada Pengawas Peperiksaan.
23. Seseorang pelajar yang didapati melanggar mana-mana Arahan-Arahan Am Peperiksaan Akhir di atas akan diberi Amaran atau dimansuhkan markah penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Nilai Mata 0.00

**KES-KES MENIRU, CUBA MENIRU ATAU MEMBERI TIRU**

1. Calon dilarang **meniru, cuba meniru atau memberi tiru** dengan apa-apa cara jua semasa peperiksaan.
2. Calon yang telah dibuktikan **meniru, cuba meniru atau memberi tiru** akan dimansuhkan markah peperiksaan akhir bagi semua kursus yang diambil pada semester berkenaan
3. Calon-calon yang melanggar Peraturan Peperiksaan juga boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang diperuntukan di bawah Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976 - Akta 174 (Pindaan 2012) – Bahagian V Tatacara Tatatertib